

## CADANGAN PENYEDIAAN TEMPAT WUDUK YANG EFISIEN

Mohd. Azlan Syah<sup>1</sup>  
Kamarul Azmi Jasmi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Architecture, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>2</sup>Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Syah, M. A. & Jasmi, K. A. (2008). Cadangan Penyediaan Tempat Wuduk yang Efisien in *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press, pp. 124-140. ISBN: 978-983-52-0508-8.

### Sinopsis

Penggunaan tempat wuduk merupakan salah satu keperluan orang Islam untuk menunaikan ibadah. Ia juga menjadi salah satu ruang yang penting di dalam masjid. Namun sebagai tempat yang mempunyai fungsi yang tersendiri masih belum ada informasi, data dan dimensi yang konkrit terhadap ruang wuduk. Kajian topikal ini tertumpu kepada penganalisan ciri-ciri tempat wuduk dan juga cadangan kajian bagi tempat wuduk yang efisien. Kaedah metodologi telah digunakan bagi mendapatkan penganalisaannya. Proposi manusia dan sumber Islam merupakan panduan utama untuk mengawal keberkesanan penggunaannya kerana ciri-ciri tempat wuduk kini dipengaruhi oleh kepelbagaian budaya. Perangkaan reka bentuk disediakan bagi mendapatkan contoh tempat wuduk yang diperlukan.

# Cadangan Penyediaan Tempat Wuduk Yang Efisien

Mohd Azlan Shah bin Nashirudin  
Fakulti Alam Bina

Kamarul Azmi bin Jasmi  
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia

## Abstrak

*Penggunaan tempat wuduk merupakan salah satu keperluan orang Islam untuk menunaikan ibadah. Ia juga menjadi salah satu ruang yang penting di dalam masjid. Namun sebagai tempat yang mempunyai fungsi yang tersendiri masih belum ada informasi, data dan dimensi yang konkrit terhadap ruang wuduk. Kajian topikal ini tertumpu kepada penganalisan ciri-ciri tempat wuduk dan juga cadangan kajian bagi tempat wuduk yang efisien. Kaedah metodologi telah digunakan bagi mendapatkan penganalisannya. Proposi manusia dan sumber Islam merupakan panduan utama untuk mengawal keberkesanan penggunaannya kerana ciri-ciri tempat wuduk kini dipengaruhi oleh kepelbagaian budaya. Perangkaan reka bentuk disediakan bagi mendapatkan contoh tempat wuduk yang diperlukan.*

## 1.0 PENGENALAN

Islam memperkenalkan kepada umatnya berbagai-bagai cara untuk menyuci dan membersihkan diri sama ada dari segi zahir atau batinnya. Salah satu daripada cara tersebut adalah dengan mengambil wuduk atau dikenali juga sebagai mengambil air sembahyang. Wuduk daripada perkataan Arab iaitu *al-Wudu'*. Sedangkan *al-wudu'* pula daripada *al-wada'ah* yang bermaksud al-hasan, iaitu baik dan al-Nazafah, iaitu bersih. Wuduk dinamakan sebagai baik dan bersih kerana wuduk itu membersihkan orang yang berwuduk dan membaikkannya (daripada segi jasmani dan rohani) (al-Nawawi, 1981: 99/3; Kamarul Azmi Jasmi, 2007).

Tujuan utama kajian ini adalah sebagai cadangan untuk menyediakan ruang tempat mengambil wuduk secara efisien di masjid ataupun di surau. Dalam kajian ini, tempat wuduk yang efisien ialah sebuah tempat wuduk yang mempunyai sistem ukuran yang sesuai dengan skala tubuh manusia, dibina dengan material yang betul serta mempunyai perletakkan ruang yang sesuai. Tempat wuduk merupakan ruang yang penting bagi umat Islam untuk mengambil wuduk sebelum menunaikan ibadah solat sama ada di masjid mahupun surau. Amalan wuduk sebelum mengerjakan solat merupakan amalan yang utama kepada setiap umat Islam sebagaimana yang disebut di dalam sebuah hadis (Ahmad, 1994: Masnad al-Qabail):

*Ertinya, "Qathm bin Tammam atau Tamman bin Qathm daripada bapanya melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda "Sekiranya tidak menyukarkan umatku, tentulah sahaja memerintahkan mereka mengambil wuduk untuk setiap sembahyang dan bersuci di setiap wuduk" (Ahmad)*

Pada kebiasaannya tempat wuduk boleh dilihat pada setiap masjid dan surau kerana ia berfungsi sebagai ruang untuk mengambil wuduk sebelum masuk ke dalam ruang sembahyang. Seperti tandas juga tempat wuduk perlu diasingkan mengikut jantina iaitu lelaki dan juga perempuan. Hal ini adalah kerana untuk melindungi aurat dan kehormatan masing-masing bagi yang bukan muhrim. Seperti yang diketahui pada kebiasaannya tempat wuduk mempunyai bilangan paip yang berfungsi sebagai tempat untuk mengambil wuduk dan bilangannya bergantung kepada keadaan populasi pengguna dalam sesebuah surau atau masjid. Semakin ramai pengguna semakin banyaklah bilangan paip itu mengikut keadaan yang sesuai. Kebanyakan material yang digunakan untuk membina sesebuah tempat wuduk adalah sama seperti di dalam tandas ataupun tempat yang melibatkan penggunaan air.

Di dalam pembahagian jenis saluran air, terdapat beberapa kaedah yang terdapat di dalam tempat wuduk. Pertama adalah penggunaan pili air yang mempunyai saluran terus kepada tangki air. Kedua adalah penggunaan sistem melebihi dua kolah mengikut kiraan yang tersendiri menurut hukum Islam. Daripada apa yang disebutkan sebelum ini, tempat wuduk merupakan salah satu tempat untuk kegunaan dan juga kemudahan awam yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Maka bagi melaksanakan kajian ini, beberapa bab disediakan bagi memudahkan para pembaca memahami keseluruhan kajian ini.

## 2.0 ISU DAN LATAR BELAKANG RINGKAS

*Time Saver Standard, Architectural Graphic Standard, Architects' Data* merupakan buku-buku rujukan yang merangkumi data-data ukuran yang diperlukan oleh seseorang arkitek ataupun pereka sekiranya mereka hendak memulakan sesuatu reka bentuk. Pelbagai informasi boleh diperolehi seperti jadual penggunaan bilangan paip tandas, kesesuaian material, keperluan ruang, penggunaan saiz yang bersesuaian dan sebagainya. Dengan informasi yang diperolehi seperti ini para arkitek dan para pereka menjadikan buku-buku ini sebagai panduan untuk mereka bentuk bangunan tinggi, sekolah, kedai-kedai, stesen bas malah lapangan terbang.

Menurut Mansoor Ahmad (2003) satu-satunya jenis bangunan yang tiada di dalam *Time Saver Standards dan Architectural Graphic Standard* adalah masjid dan juga madrasah. Selepas 1400 tahun mempraktikkan tiada seorang Islam pun yang berupaya untuk menyelesaikan isu masjid tentang fungsi dan kebersihan (tempat wuduk dan sebagainya) terhadap fungsi itu. Kita mungkin mencapai sebuah identiti sekiranya kita tidak menunggu zaman yang kemudian.

Penggunaan tempat wuduk merupakan salah satu keperluan orang Islam untuk menunaikan ibadah. Ia juga merupakan sebahagian daripada ruang yang perlu diambil perhatian kerana tempat wuduk adalah kemudahan awam yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Melalui perbincangan bersama Dr. Abdullah Sani, sehingga kini masih tiada lagi sumber-sumber yang menerangkan ciri-ciri itu secara formal. Maka pembinaan tempat wuduk dipercayai dilakukan melalui pengalaman arkitek ataupun pereka itu sendiri. Tempat wuduk kini perlu diambil kira sebagai sebuah ruang yang memerlukan data lengkap seperti ruang-ruang lain yang terdapat di dalam *Architect' Data* dan juga *Time Saver Standard*.

Pengetahuan asas mengenai pembinaan ruang adalah memahami kehendak penggunaannya terlebih dahulu. Pentingnya pengetahuan arkitek dan pereka memahami sebelum mereka bentuk sudah dinyatakan sebelum ini.

*"Tambahkan pula, para arkitek dan pereka harus mengetahui dimensi yang minimum di antara keperluan manusia dengan perabot-sama ada di rumah mahupun di pejabat-termasuk juga bagaimana perabot itu diletakkan dengan baik. Tanpa pengetahuan ini, mereka akan kurang berupaya mencipta satu suasana di mana tiada ruang yang membazir dan manusia akan berasa selesa untuk melakukan kerja ataupun menikmati masa yang terluang."*

Ernst and Peter Neufert, 2004

Dalam hal tersebut beberapa kajian dilakukan seperti melakukan pemerhatian terhadap contoh tempat mengambil wuduk bagi mengenal pasti kehendak-kehendak di dalam ruang mengambil wuduk. Pemerhatian ini juga membantu pengkaji mengetahui beberapa keadaan yang perlu diambil kira sekiranya ingin mereka bentuk sebuah tempat mengambil wuduk yang betul. Selain itu beberapa rujukan telah dijalankan seperti mendapatkan kesesuaian skala manusia di tempat mengambil wuduk serta mendapatkan beberapa sumber Islam yang mungkin dapat diterapkan ke dalam ruang ini.

### **3.0 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Cadangan pembinaan tempat wuduk yang efisien ini mempunyai beberapa matlamat dan objektifnya yang diringkaskan seperti berikut:

#### **3.1 Matlamat**

Terdapat empat matlamat utama, iaitu:

1. Para arkitek dan pereka dapat memahami kepentingan ruang di dalam tempat mengambil wuduk.
2. Memudahkan para arkitek dan pereka mereka bentuk tempat mengambil wuduk.
3. Menjimatkan masa para arkitek dan pereka mereka bentuk tempat mengambil wuduk.
4. Menyediakan kemudahan kepada para pengkaji sekiranya ingin membuat kajian lain mengenai tempat mengambil wuduk.

#### **3.2 Objektif**

Terdapat tiga objektif pula, iaitu,

1. Mengenal pasti reka bentuk asas tempat wuduk yang ada di masjid dan di surau.
2. Menilai kelemahan dan kelebihan reka bentuk tempat wuduk tersebut berdasarkan aspek Islam dan seni bina.
3. Menyediakan cadangan bagi mereka bentuk tempat wuduk yang betul.

### **4.0 METODOLOGI**

Cadangan ini telah dilakukan dengan melakukan beberapa proses kajian. Bahagian ini menerangkan tentang cara kajian itu di pilih dan bagaimana ia akan dijalankan. Kajian yang dipilih adalah berdasarkan pemerhatian keadaan dan perkara ini berdasarkan perbincangan bersama pensyarah penyelia iaitu Dr. Abdullah Sani. Faktor pemilihan adalah disebabkan kajian ini merupakan perintis kepada kajian yang akan datang. Dalam hal ini kaedah kajian adalah

berdasarkan perbandingan tempat wuduk dengan perkadaran skala tubuh manusia. Data yang akan diambil pula adalah berdasarkan ukuran tempat mengambil wuduk dan juga eksperimen terhadap penggunaan pilih tempat wuduk.

Pengukuran yang dijalankan adalah di dalam unit kaki sebelum ditukarkan ke metrik dan setelah membuat pengukuran jadual data akan disediakan bagi mengenal pasti julat perbezaan dan juga purata ukuran yang telah dipilih di dalam kawasan kajian. Setelah mengenal pasti analisis yang dikehendaki, barulah perbandingan dengan ukuran piawai perkadaran dibuat untuk melihat sejauh manakah tempat wuduk di kawasan kajian memberi respons terhadap perkadaran di dalam ruang seni bina. Perlu ditekankan di sini bahawa cadangan mewujudkan tempat wuduk yang efisien bukan bermaksud untuk menguji keselesaan pengguna tetapi ingin menyetengahkan idea tempat wuduk sebagai ruang yang memerlukan data selengkapnya seperti di dalam *Architect's Data dan Time Saver Standards*.

Namun beberapa aspek akan diambil kira seperti menjalankan temu ramah bersama orang yang berpengalaman di dalam hal wuduk atau juga seni bina. Hal ini akan meningkatkan lagi tahap kajian ini kepada yang lebih efisien.

#### 4.1 Skala Tubuh Manusia


Rekaan binaan mengikut skala tubuh biasanya diambil kira oleh para arkitek untuk keselesaan. Tentang kepentingan ini ada dijelaskan,

*"...Arkitek dan pereka mesti menunjukkan bagaimana cara ini diterima dihasilkan dan bagaimana ia boleh dielakkan. Mereka perlu memahami hubungan di antara saiz tubuh manusia dan ruang yang diperlukan manusia dalam pelbagai postur dan ketika sedang bergerak di sekeliling. Mereka mesti tahu saiz objek, perkakas dapur, pakaian dan sebagainya dalam kehidupan seharian supaya mereka berupaya menentukan ukuran perabot dan penyimpan barang."*

Ernst and Peter Neufert, 2004

#### 4.2 Data Antropometrik

Data antropometrik akan digunakan sebagai penentu saiz sebenar di dalam reka bentuk. Data ini sebenarnya adalah skala tubuh manusia sebagai asas kerana mereka sebagai pengguna. Oleh kerana pengguna tempat wuduk adalah terdiri daripada seluruh masyarakat Islam sedunia, maka cadangan telah dibuat dengan menggunakan saiz manusia yang piawai seperti yang terdapat di dalam *Architects' Data*.



Rajah 1 Diagram Postur Badan Manusia di dalam Architect's Data.

Diagram di atas merupakan beberapa pergerakan postur badan manusia yang berlainan bagi mencapai maksud pergerakan yang sesuai di dalam reka bentuk tempat wuduk itu nanti. Pergerakan ini turut memberi perkadaran di antara manusia dengan ruang di sekelilingnya yang dianggap penting untuk menghasilkan jarak yang sesuai di antara manusia dengan manusia serta manusia dengan peralatan.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN

Cadangan kajian mengambil kira lokasi, pembahagian ruang dan ruang pengambilan wuduk itu sendiri.

### 5.1 Lokasi

Pemahaman tentang lokasi ruang wuduk juga dapat membantu para pereka dan arkitek untuk menentukan ruang yang sesuai. Lokasi yang sesuai adalah berdasarkan beberapa faktor yang penting seperti kelakuan manusia, panduan wuduk dan juga keadaan setempat.

#### 5.1.2 Lokasi ruang berlainan jantina

Nabi s.a.w. bersabda (al-Tarmidzi, 1994: Kitab al-Adab; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Hammam; Ibnu Majah, t.t.: Kitab al-Nikah; Ahmad, 1994: Musnad al-Basariyyin),


## قَالَ

Ertinya: “ Jagalah auratmu kecuali dari isteri atau budak yang kamu miliki.”  
(Al-Tarmidzi, Abu Dawud, Ibnu Majah dan Ahmad)

Oleh kerana aurat seseorang tidak seharusnya dilihat oleh orang yang bukan muhrim, maka pembahagian ruang wuduk wanita dan lelaki perlu diambil kira. Visual di antara lelaki dan perempuan boleh dihalang dengan meletakkan halangan pandangan seperti dinding dan sebagainya. Pembahagian lokasi juga penting seperti peletakan yang agak jauh di antara satu sama lain dan perancangan yang licin sebelum menentukan ruang tempat wuduk.

### 5.1.3 Lokasi dengan tandas


Kebersihan merupakan salah satu aspek yang paling penting di dalam kehidupan seharian apatah lagi ketika ingin melakukan ibadah. Oleh itu dicadangkan di sini supaya perletakkan tempat wuduk perlu diasingkan supaya tidak berlaku kekotoran yang dibawa dari tandas ke tempat wuduk. Jarak yang sesuai adalah memadai dengan kekotoran dari tandas tidak masuk ke dalam ruang pengambilan wuduk sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Ruang Tandas dan Tempat Wuduk yang Berasingan

### 5.1.4 Lokasi menghadap kiblat


Tidak dinafikan bahawa kedudukan menghadap kiblat bukan merupakan satu kemestian di dalam sudut agama namun menurut Kamarul Azmi (2007), arah kiblat merupakan arah yang paling baik ketika berdoa dan melakukan amalan yang digalakkan untuk dilakukan. Ini termasuklah mengambil wuduk dan dengan ini setiap perbuatan ketika mengambil wuduk mendapat pahala sunat. Oleh itu dicadangkan di sini supaya peletakan paip adalah dengan menghala ke arah kiblat.



Rajah 3 Pandangan Pelan Ruang Wuduk

## 5.2 Pembahagian Ruang Wuduk

Pembahagian ruang ini adalah berdasarkan kajian pemerhatian yang telah dijalankan di beberapa kawasan. Dalam pemerhatian yang dijalankan, telah dikenal pasti terdapat tiga komponen utama yang perlu ada di dalam kawasan tempat mengambil wuduk iaitu, tempat kering, tempat separa basah, dan juga tempat basah (Rajah 4).



Rajah 4 Situasi Antara Ruang Wuduk dengan Ruang yang Lain

### 5.2.1 Tempat Kering

Bahagian ini kebiasaannya adalah ruang sembahyang atau pun koridor masjid. Walau bagaimana pun, bahagian ini hendaklah dipastikan bahawa tidak dibasahi dengan air. Ini mungkin kerana material di permukaan yang kurang sesuai seperti jubin licin ataupun karpet ini tidak sesuai dikenakan air. Jubin licin pula boleh menyebabkan pengguna sukar untuk berjalan. Dicadangkan di sini supaya tempat kering tidak dihubungkan secara terus ke tempat basah dan arasnya perlu



ditinggikan daripada aras tempat separa basah dan tempat basah bagi mengelakkan air dari melimpah masuk.

### 5.2.2 Tempat separa basah

Bahagian ini terletak di dalam tempat mengambil wuduk. Ia bukanlah kawasan yang dilalui air dan ia merupakan kawasan laluan ataupun menunggu semasa mengambil wuduk. Dicadangkan di sini penggunaan material harus diteliti seperti penggunaan jubin yang anti licin supaya pengguna tidak mudah jatuh di kawasan tempat mengambil wuduk.

### 5.2.3 Tempat basah

Tempat ini adalah ruang di mana proses mengambil wuduk dijalankan. Tempat ini disyorkan supaya lebih rendah kedudukannya daripada tempat separa basah ataupun diasingkan dengan satu aras yang lebih tinggi di antara kedua-dua bahagian ini.


## 5.3 Ruang pengambilan wuduk

Dalam ruang pengambilan wuduk, terdapat beberapa komponen yang penting seperti pili air, laluan air serta kawasan pengguna.

### 5.3.1 Ukuran jarak

Ukuran jarak merupakan satu faktor yang paling penting di dalam kajian ini kerana terdapat beberapa permasalahan yang timbul seperti jarak yang tidak mengikut skala tubuh manusia. Hal ini boleh menyebabkan kesusahan kepada pengguna untuk mengambil wuduk. Terdapat pelbagai kajian kes yang menunjukkan bahawa pembuatan ruang tempat mengambil wuduk tidak dilakukan dengan teliti kerana kemungkinan tiada rujukan yang sesuai.

Maka selepas pemerhatian yang dijalankan, beberapa cadangan reka bentuk telah disediakan bagi tempat wuduk. Antara yang ukuran yang penting adalah jarak di antara pengguna ruang dengan pili air dan jarak lingkungan pengguna di dalam kawasan pengambilan wuduk. Jarak yang sesuai adalah jarak yang mengikut kehendak ukuran tubuh badan manusia seperti yang telah dinyatakan dalam rujukan data antropometrik (lihat Rajah 5).




Rajah 5 Cadangan Jarak Yang Sesuai Di Ruang Wuduk

### 5.3.2 Penggunaan Air

Dalam senario kini, ramai yang tidak sedar bahawa pembaziran boleh berlaku di dalam pengambilan wuduk. Ini telah dibuktikan melalui kajian terhadap persepsi jemaah terhadap penggunaan air ketika berwuduk oleh Che Haliza binti Che Roza (2005). Ini mungkin disebabkan oleh kesedaran mereka masih berkurang terhadap penggunaan air wuduk. Jelas beliau di dalam kajiannya ialah dengan mengemukakan cadangan supaya pili air automatik digunakan. Selain itu juga saiz kepada paip diubahsuai supaya laluan air yang keluar tidak begitu besar. Menurut Zaini Ujang (2000) Islam menganjurkan penggunaan air wuduk hanyalah sebanyak satu mud yang bersamaan dengan 1 botol air mineral yang berukuran 500ml air semasa berwuduk. Di sini dicadangkan supaya penggantian pili yang lebih sesuai jenisnya dilakukan bagi mengelakkan pembaziran berlaku di kalangan pengguna ruang wuduk ini.

Dalam hal yang lain pula, permasalahan yang berlaku ketika berwuduk adalah air wuduk yang terpercik ke luar kawasan dan ini menyebabkan pakaian mereka atau orang di sebelah mereka menjadi basah. Atas pemerhatian yang dijalankan, satu landasan bagi air dicadangkan bagi mengurangkan percikan air sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 6.



**Rajah 6** Gambaran Pembinaan Pili dengan Tempat Jatuh Air bagi Mengelakkan Percikan kepada Orang yang Mengambil Wuduk

## 6.0 PENUTUP

Kajian ini merupakan satu kajian perintis kerana mengetengahkan tempat wuduk sebagai ruang yang memerlukan data-data seperti yang di dalam *Architects' Data* dan *Time Savers Standard*. Oleh itu kajian ini ingin membawa seni bina Islam beredar selari dengan peredaran masa.

Sebenarnya dengan penggunaan data ruang tempat wuduk, ianya merupakan satu lagi inovasi di dalam dunia Islam yang kini. Berlandaskan konsep yang Islamik, setiap ciri-ciri seni bina tempat wuduk yang baru itu akan mengekalkan fungsi reka bentuk yang lebih tersusun dan seragam. Hal ini bukan sahaja memudahkan para arkitek, pereka malah pengguna Islam yang lain juga. Rasulullah s.a.w. bersabda (al-Bukhari, 1994: Kitab al-Mazalim wa al-Ghadab; Muslim, 2001: Kitab al-Zikr wa al-Du'a' wa al-Taubah wa al-Istighfar; al-Tarmidzi, 1994: Kitab al-Hudud; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Adab; Ahmad, 1994: Musnad al-Mukaththirin min al-Sahabah),

Ertinya: "Abu Hurairah r.a. melaporkan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barang siapa memudahkan terhadap orang beriman satu kesulitan dunia, Allah akan memudahkan untuknya satu kesusahan akhirat."

(Al-Bukhari dan Muslim)

## RUJUKAN

- Abu Daud, Sulaiman al-Ash'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abu Daud*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Hambal, Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad Isma'il bin Ibrahim ibn al-Mughirah Bardazbah al-Jafari. 1994. *Sahih al-Bukhari*. Jld. 1-4. Dar al-Fikr: Bairut.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din Sharaf. 1981. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Juz. 1-18. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadisah.
- Al-Tarmidzi, Abu Isma'il, Muhammad 'Isa. 1994. *Sunan al-Tirmidhi Wa-hua al-Jami' al-Mukhtasar Min al-Sunani 'an Rasulullah s.a.w. wa-Makrifat al-Sahih wa-al-Ma'lul wa-Maklul wa Ma 'alaih al-Amal*. Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ayyub, Syaikh Hasan (1422H/2002M). *Fikih Ibadah* (Terjemahan Abdul Rosyad) Shiddiq Kairo Mesir: Dar Al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islamiyah,
- Ernst and Peter Neufert (2004). *Architects' Data* (Edit oleh Bousmaha Baiche dan Nicholas Wallieman). United Kingdom: Blackwall Publishing Company.
- Hasbi Ash Shiddieqy, Prof T.M (1972) *Koleksi Hadits-Hadits Hukum*. Bandung, Indonesia: P.T Al-Ma'arif,
- Ibn Majah, 'Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. t.thn. *Sunan Ibn Majah*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamarul Azmi bin Jasmi (2007). *Pendidikan Wuduk Mazhab Al-Shafii*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi (2007). *Temubual tentang Tempat Wuduk yang Efisien*. Tarikh: 6 Januari 2007, jam 9.30 malam. Bilik Pensyarah D12,S45.
- Mansoor Ahmad (2003). *ArchNet. Time Standard for Mosque*.  
[https://archnet.org/forum/view.tcl?message\\_id=23616](https://archnet.org/forum/view.tcl?message_id=23616).
- Mazlan Yahya (1999) *Kuliah Fardhu Ain Ibadah Siri 2*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Muslim, Abu al-Husain al-Hajjaj ibn Muslim al-Qushairi al-Nisaburi. 2001. *Al-Jami' al-Sahih*.

Beirut: Dar al-Fikr.